

Mahathir tak sangka keadaan dalam PBS begitu serius

KUALA LUMPUR, 22 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tidak menii keadaan dalam Parti Bersatu Sabah (PBS) begitu serius sehingga memaksa Ketua Menteri, Datuk Sri Joseph Pairin Kitingan menyingkirkan timbalannya, Datuk Mark Koding daripada kabinet negeri itu.

"Saya tak sangka sebegitu serius keadaannya sehingga nak buang Timbalan Ketua Menteri (Datuk Koding)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perayaan 55 tahun Perkhidmatan Awam Malaysia di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya,

beliau akan menunggu laporan lengkap mengenai penyingkiran itu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai tindakan Ketua Menteri Sabah, Datuk Sri Joseph Pairin Kitingan memecat timbalannya, Datuk Koding daripada kabinet negeri.

Menurut laporan itu, Ketua Menteri dalam kenyataannya berkata, Yang Dipertua Negeri, Tun Haji Mohammad Said Keruak telah membatalkan perlantikan Datuk Koding sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Pem-

LIHAT MUKA 2

PM tak sangka keadaan PBS serius'

bangunan Industri Negeri berkuatkuasa serta merta.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Menteri, Datuk Sri Pairin berkata, beliau terpaksa mengambil tindakan yang berat itu memandangkan terdapat bukti bahawa Datuk Koding, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Ranau dan beberapa orang lain yang terlibat dalam kegiatan politik yang menunjukkan mereka tidak lagi menyokong Parti Bersatu Sabah (PBS) yang memerintah.

Perdana Menteri berkata, Datuk Sri Pairin tidak meminta pandangannya sebe-

lum membuat keputusan memecat timbalannya.

"Saya hanya mendapat maklumat dari Datuk Koding yang menyatakan kemungkinan dia dipecat," tambah beliau.

Ditanya sama ada pemecatan itu merupakan satu krisis politik, beliau berkata:

"Saya tidak fikir ia akan menjadi krisis politik, tetapi saya tak boleh kata tidak, sebab masih belum menerima laporan penuh."

Beliau memberitahu, kerajaan tidak akan campur tangan dalam isu tersebut selagi tindakan itu mengikut undang-undang dan

hak parti.

Ditanya sama ada pilihanraya kecil akan diadakan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sama ada undang-undang memerlukan pilihanraya kecil diadakan.

"Saya diberi maklum, kalau seseorang itu keluar dari PBS, maka dia terpaksa meletakkan jawatan (sebagai anggota Dewan Undangan Negeri) dan diadakan pilihanraya kecil. Dalam kes itu, saya dapati dia (Datuk Koding) bukannya keluar tetapi dipecat, saya tidak tahu sama ada undang-undang itu kena ataupun tidak," jelas beliau.